



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/06/46(HQ)

TNB TERKESAN DENGAN KETIDAKSTABILAN TUKARAN MATA WANG ASING PADA SUKU PERTAMA 2020, BERSEDIA UNTUK CABARAN BERTERUSAN PASCA COVID-19

- PAT kumpulan susut 51% ke RM736.7 juta
- Pendapatan susut 12% ke RM11.65 bilion
- Jualan elektrik stabil pada 27,938.2 GWh

Keuntungan selepas cukai (PAT) kumpulan Tenaga Nasional Berhad (TNB) susut 51.6 peratus kepada RM736.7 juta pada Suku Pertama Tahun Kewangan 2020 (1QFY2020) daripada RM1.52 bilion untuk tempoh sama tahun lalu. PAT yang lebih rendah ini termasuk kerugian tukaran mata wang asing belum terealisasi bernilai RM388 juta. Suku ini menyaksikan tukaran mata wang asing yang tidak stabil berikutan ekonomi global yang tidak menentu.

Pendapatan kumpulan menyusut 12.0 peratus kepada RM11.65 bilion daripada RM13.24 bilion pada tempoh sama tahun lalu disebabkan pendapatan keseluruhan yang terkesan oleh Ketidakeimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT) pada keadaan rebat RM307.5 juta berbanding keadaan surcaj RM1.37 bilion pada suku sama tahun lalu.

Bagaimanapun, jualan elektrik pada tiga bulan pertama tahun ini stabil pada 27,938.2 GWh atau RM11.78 bilion berbanding 28,471.1 GWh atau RM12.03 bilion pada suku pertama 2019. Margin EBITDA meningkat 3.8 peratus tahun ke tahun berikutan penyusutan kos operasi sebanyak 15.4 peratus pada suku tahun pertama 2020.

Portfolio Antarabangsa

Pada bulan Mac 2020, TNB membeli baki 20 peratus kepentingan dalam Tenaga Wind Ventures UK Ltd. Kumpulan akan menumpukan kepada pelaburan dan aset-aset di UK sebagai platform untuk mengembangkan portfolio tenaga boleh diperbaharui (RE) berdasarkan potensi pertumbuhan yang besar berikutan peralihan global terhadap sumber tenaga boleh diperbaharui.

TNB melaporkan pandemik COVID-19 memberi kesan kepada inisiatif Kumpulan untuk mengurangkan pendedahan semasa; termasuk penstrukturan semula dan urusan pemulihan dan penjualan semula pelaburan, terutamanya dalam syarikat GAMA (Turki) dan GMR (India) yang masing-masing dimiliki sebanyak 30 peratus oleh TNB. Bagaimanapun, aset-aset Kumpulan di UK adalah terlindung oleh skim subsidi jangka panjang.

Sehubungan itu, TNB akan menumpukan kepada aset-aset dan pengalaman pasaran di UK untuk mengembangkan portfolio tenaga boleh diperbaharui menjelang 2021 bagi meneruskan pemerolehan aset-aset operasi dan pembangunan projek baharu (*greenfield*).

Kesan Luar Jangkaan COVID-19

Musim kering pada bulan Mac pada mulanya melonjakkan penggunaan tenaga di Semenanjung Malaysia hingga mencapai rekod tertinggi 18,808 MW pada 10 Mac 2020. Peningkatan tersebut bagaimanapun tidak berpanjangan, kesan daripada penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac 2020.

Hasilnya, penggunaan elektrik keseluruhan di Semenanjung Malaysia menyusut berikutan penutupan sementara perniagaan bagi mematuhi arahan kerajaan untuk duduk di rumah sepanjang PKP.

Penggunaan elektrik bagi sektor industri dan komersil menyusut antara 25 peratus hingga 50 peratus berikutan pemberhentian sementara operasi, manakala penggunaan elektrik bagi sektor kediaman melonjak naik antara 20 peratus hingga 50 peratus susulan pematuhan arahan untuk duduk di rumah dan aktiviti bekerja dari rumah.

Secara keseluruhannya, permintaan elektrik menyusut 1.9 peratus pada 1QFY'20 sebelum kesan menyeluruh COVID-19 dan tempoh PKP. Bagaimanapun, permintaan bagi bulan Mei 2020 turun 28 peratus berbanding Mei tahun lalu. TNB menjangkakan penggunaan elektrik akan menurun antara 7-15 peratus tahun ke tahun bagi 2020 berikutan kelembapan aktiviti sektor komersil.

Namun begitu, pendapatan entiti dikawal selia TNB dijamin dengan pertumbuhan permintaan sebanyak 1.8 peratus dan 2.0 peratus seperti yang ditetapkan oleh garis panduan Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) dalam Tempoh Kawal Selia Kedua atau RP2 (2018 hingga 2020).

Syarikat Peneraju dalam Usaha Pemulihan COVID-19

Sejurus selepas Kerajaan mengumumkan respons segera dan susulan untuk menangani kesan teruk COVID-19 terhadap ekonomi negara dan kehidupan rakyat, TNB menerajui kumpulan syarikat swasta negara dengan menghulurkan sumbangan yang setimpal bagi meringankan beban dengan segera, serta menyokong inisiatif pemulihan ekonomi jangka panjang.

“Sebagai penyedia perkhidmatan yang penting, TNB mempunyai peranan kritikal dalam membantu usaha Kerajaan Malaysia untuk memulihkan ekonomi dan membantu kehidupan mereka yang terjejas. Melicinkan proses rangsangan ekonomi ketika ini harus diutamakan. Bagi TNB, meskipun kami turut terkesan dari segi kutipan hasil, kami masih berdaya tahan disebabkan kunci kira-kira yang kukuh. Menyumbang untuk membantu negara keluar daripada kemerosotan ekonomi akan membawa kepada masa depan yang lebih baik untuk kita semua,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Amir Hamzah Azizan.

Selain sumbangan serta-merta berjumlah RM10 juta kepada Kementerian Kesihatan ketika bermulanya pandemik, TNB turut menyumbang RM17.5 juta kepada Kerajaan Negeri bagi pembelian bekalan perubatan dan kelengkapan perlindungan diri serta memenuhi keperluan yang mendesak ketika peringkat awal PKP.

TNB juga memperuntukkan RM150 juta untuk menampung dana bagi pemberian diskaun elektrik berperingkat antara 2 peratus hingga 50 peratus bermula April hingga September 2020, seperti yang diumumkan Kerajaan menerusi pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN.

Untuk meringankan lagi beban rakyat ketika berdepan kesan wabak COVID-19, TNB menawarkan pelan bayaran berjadual selama enam bulan kepada kesemua 7.5 juta pelanggan, penangguhan surcaj lewat bayar dan penangguhan aktiviti pemotongan bekalan.

“Kita bersama-sama berada dalam perjuangan ini. Kita telah melihat bagaimana teruknya kesan pandemik dan PKP terhadap ekonomi yang turut terzahir dengan jumlah pengangguran. Kami di TNB komited untuk membantu rakyat sedaya-upaya yang mampu dalam tempoh yang mencabar ini agar kehidupan menjadi lebih baik,” kata Amir.

Strategi dan Prospek Syarikat

Meskipun bersedia untuk menangani kesan wabak COVID-19 dan cabaran yang timbul disebabkan PKP dalam Suku berikutnya, Kumpulan masih berada di landasan yang betul dengan pelan transformasinya, *‘Reimagining TNB’* dan akan meneruskan usaha penstrukturan semula dalaman bagi menubuhkan entiti bisnes Penjanaan dan Retail agar menjadi subsidiari milik penuh Kumpulan.

Berkenaan polisi dividen, Amir menjelaskan bahawa TNB akan komited untuk meneruskan polisi dividen antara 30 peratus hingga 60 peratus nisbah pembayaran dividen menurut laporan Keuntungan Bersih Boleh Diagih Kepada Pemegang Saham Disatukan selepas kepentingan minoriti, kecuali item hapus guna dan luar biasa.

Prospek Ekonomi

Ekonomi Malaysia menguncup 0.7% pada suku pertama 2020* (4Q 2019: 3.6%) yang mencerminkan kesan terhadap langkah-langkah yang diambil, baik dari segi domestik mahupun antarabangsa, untuk membendung penularan pandemik COVID-19, termasuk penguatkuasaan PKP di Malaysia. Prospek ekonomi Malaysia untuk tahun 2020 terjejas akibat pandemik COVID-19. Namun, aktiviti ekonomi dijangka kembali meningkat secara beransur-ansur pada separuh kedua 2020 dan mencatatkan pemulihan positif pada 2021.

Memandangkan pandemik COVID-19 yang masih berterusan dan ketidakpastian dalam suasana ekonomi global, Lembaga Pengarah menjangkakan cabaran berterusan terhadap prospek Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. Kumpulan telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan kestabilan kewangan dan operasinya.

**Laporan Bank Negara bertarikh 15 Mei 2020.*

Paparan Keputusan Kewangan

RM' Juta	3 Bulan Berakhir 31 Mac 2020	3 Bulan Berakhir 31 Mac 2019
Jumlah Pendapatan	11,654.5	13,244.8
Perbelanjaan Operasi	(9,544.6)	(10,680.7)
Lain-lain Pendapatan Operasi	215.5	221.5
Lebihan Operasi (EBIT)	<u>2,223.8</u>	<u>2,505.9</u>
Kos Kewangan	(898.0)	(704.5)
Keuntungan Bersih (sebelum keuntungan/(kerugian) translasi tukaran mata wang asing)	1,105.9	1,293.3
Keuntungan /(Kerugian) Translasi Mata Wang Asing	(388.0)	263.5
Keuntungan Bersih Diagihkan Kepada Pemilik Syarikat	717.9	1,556.8
Keuntungan bagi Tempoh Berkenaan	<u>736.7</u>	<u>1,521.2</u>
Pendapatan sesaham	12.62 sen	27.38 sen

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Selain menjadi syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Mac 2020, TNB membekalkan elektrik kepada 9.9 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyeyjukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkaitan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik bersepadu, TNB telah dan akan terus melaksanakan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 10 Jun 2020

*Untuk pertanyaan, hubungi Fitri Majid di 013-3626923 /
Muhammad Nasiruddin Aziz di 018-9434524 / Grace Tan di 016-6626229
atau e-mel media@tnb.com.my*